

23 SEP 1996

PAMERAN GALAKAN PELANCONGAN DI PERWAKILAN MALAYSIA KE PBB

WASHINGTON, 23 Sept (Bernama) -- Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Pelancongan Malaysia) di New York sedang mengadakan pameran selama seminggu mengenai hasil seni dan kraftangan Malaysia di Perwakilan Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Pameran itu yang dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu ini, akan memperlihatkan pelbagai hasil kraftangan, lukisan, barangan kemas dan kain yang dipinjamkan oleh Muzium Negara, kata Naib Presiden Pelancongan Malaysia, Azizah Aziz di New York ketika dihubungi dari sini semalam.

Azizah berkata tarikan utama pameran yang diadakan buat kali pertama oleh Pelancongan Malaysia di New York itu, ialah koleksi barangan perhiasan daripada emas dan permata. Seorang tukang tenun kain songket juga diterbangkan khas dari Malaysia untuk menunjukkan kepada rakyat Amerika cara tradisi dalam tenunan songket.

"Negara kita kaya dengan hasil seni. Malangnya, hasil-hasil itu masih tidak begitu didedahkan. Kita boleh menggalakkan pelancongan melalui seni, budaya dan tradisi," kata beliau.

Beliau berkata pameran itu diadakan di New York kerana New York merupakan pusat kesenian dan banyak karyawan ternama terdapat di sana.

Sebanyak 21 buah lukisan karya 10 pelukis kontemporari Malaysia akan dipamerkan pada acara itu termasuk karya Abdul Latiff Mohidin, Chuah Thean Teng, Fatimah Chik dan Ibrahim Hussein. -- BERNAMA

SH RM NMO